

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
DI SEBERANG PERAI TENGAH
DI NEGERI PULAU PINANG
TUNTUTAN NO: TTPM-P-(P)-22-2024**

ANTARA

SABARIAH BINTI ABDULL RAHIM
(NO. K/P:

Pihak Yang Menuntut

DAN

MASTURA BINTI AHMAD
(NO. K/P:)

Penentang

ALASAN AWARD

A) Pengenalan

- 1) Tuntutan ini difailkan oleh Pihak Yang Menuntut pada 9/1/2024 terhadap Pihak Penentang bagi pengembalian deposit RM1000.00 untuk tempahan makan majlis perkahwinan.
- 2) Pihak Penentang telah memfailkan pernyataan pembelaan pada 23/2/2024.
- 3) Tuntutan tersebut kemudian dibicarakan pada 14/3/2024 melalui keterangan lisan Pihak Yang Menuntut dan saksi suami beliau, Za'abar bin Mohd Said dan juga keterangan saksi-saksi Pihak Penentang, Mohd Mokhim bin Jelani dan Ahmad Fauzi bin Kamaludin.
- 4) Kemudiannya, perbicaraan ditangguh dan keputusan telah diberikan pada 23/4/2024 dimana tuntutan Pihak Yang Menuntut dibenarkan setakat RM800.00.

B) Bidang kuasa

- 5) Tribunal mempunyai bidangkuasa untuk mendengar pertikaian ini kerana Pihak Yang Menuntut termasuk dalam definisi pengguna di bawah seksyen 3(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) yang memperuntukkan seperti berikut: -

"pengguna" ertinya seseorang yang –

(a) memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan daripada jenis yang pada lazimnya diperoleh bagi maksud, kegunaan atau penggunaan diri, rumah tangga atau isi rumah;

- 6) Deposit tersebut adalah bertujuan untuk perkhidmatan dan juga termasuk dalam kawalan Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) berdasarkan seksyen 3(1) yang memperuntukkan seperti berikut:

"perkhidmatan" termasuklah apa-apa hak, faedah, keistimewaan atau kemudahan yang atau akan diadakan, diberikan, dianugerahkan di bawah apa-apa kontrak tetapi tidaklah termasuk hak, faedah atau keistimewaan dalam bentuk pembekalan barang atau pelaksanaan kerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan.

C) Keterangan Pihak Yang Menuntut

- 7) Pada 14/7/2023, beliau bersama suami beliau telah membuat tempahan makan majlis perkahwinan anak mereka yang dijadualkan berlangsung pada 18/2/2024.
- 8) Mereka memilih pakej istana yang bernilai RM11,560.00. Berikutan itu, Pihak Yang Menuntut telah membayar RM1000.00 sebagai deposit pada hari yang sama.
- 9) Pihak Yang Menuntut dan suami bertegas semasa pembayaran deposit dibuat, tidak diberitahu deposit tersebut tidak akan dikembalikan. Pada 2/1/2024, Pihak Yang Menuntut memaklumkan Pihak Penentang bahawa majlis perkahwinan anak beliau terpaksa dibatalkan dan memohon deposit dikembalikan tetapi ditolak oleh Pihak Penentang.

Keterangan Pihak Penentang

- 10) Dua orang saksi telah memberi keterangan.
- 11) Kedua-dua saksi Pihak Penentang mengatakan bahawa RM1000.00 adalah deposit dan telahpun dibelanjakan untuk kos-kos berikut:-
- i. Kos pengangkutan daripada pejabat di Sungai Bakap ke Lunas untuk bertemu Pihak Yang Menuntut sebanyak RM67.00.

- ii. Pembayaran kepada pembekal RM200.00.
- iii. Yuran pentadbiran RM300.00.
- iv. Pembayaran komisyen kepada agen RM400.00.

D) Analisa

- 12) Tiada pertikaian mengenai pembayaran RM1000.00 kepada Penentang oleh Pihak Yang Menuntut. Tribunal telah meneliti sebut harga yang diberikan oleh Pihak Yang Menuntut kepada Pihak Penentang, dan jelas, status deposit bahawa ia tidak akan dikembalikan tidak dinyatakan.
- 13) Di atas alasan tersebut, Tribunal memutuskan wang RM1000.00 bukanlah deposit hangus yang boleh dirampas oleh Penentang apabila berlaku pembatalan.
- 14) Tribunal juga mengambil maklum majlis telah dibatalkan 48 hari sebelum majlis berkenaan yang merupakan satu tempoh yang munasabah mengenai pembatalan. Oleh itu, wajar deposit ini dikembalikan kepada Pihak Yang Menuntut.
- 15) Namun begitu, tidak wajar untuk Pihak Penentang menanggung perbelanjaan yang telah dialami sebelum pembatalan dilakukan.
- 16) Lanjutan itu, Pihak Penentang wajar menolak bayaran munasabah yang dialami daripada deposit berkenaan.
- 17) Tribunal telah meneliti perbelanjaan-perbelanjaan yang didakwa dialami. Tribunal menerima kos pengangkutan sebanyak RM67.00 sebagai munasabah berdasarkan jarak dari Sungai Bakap ke Lunas. Namun, tribunal menolak deposit RM200.00 kepada pembekal kerana tidak dibuktikan sebagai deposit hangus.
- 18) Yuran pentadbiran sebanyak RM300.00 adalah satu kadar yang tidak munasabah dan komisyen untuk agen sebanyak RM400.00 merupakan satu kadar yang berlebihan kerana kontrak tidak dilanjutkan atau disempurnakan.

E) Kesimpulan

- 19) Tribunal memutuskan deposit tersebut tidak termasuk dalam kategori hangus kerana tidak dinyatakan dalam resit Deposit dan Invois. Sehubungan dengan itu, deposit wajar dikembalikan kepada Pihak Yang Menuntut. Namun begitu, Pihak Yang Menuntut wajar menanggung kos-kos munasabah yang dialami penentang.

- 20) Tribunal berpendapat kos keseluruhan sebanyak RM200.00 adalah munasabah.
- 21) Sehubungan dengan itu, Tribunal membenarkan tuntutan Pihak Yang Menuntut kepada kadar RM800.00 selepas ditolak RM200.00 kerugian yang dialami Pihak Penentang.

Bertarikh pada 31 Julai 2024


.....
HABIB RAHMAN BIN SEENI MOHIDEEN
Presiden
Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia